

U 0015 DEB
MAHATHIR - HUTAN

KUALA LUMPUR, 16 NOV (BERNAMA) -- SUKU-SUKU KAUM YANG MENGAMALKAN KEGIATAN PERTANIAN PINDAH, TERUTAMA DI SABAH DAN SARAWAK, DIMINTA MENGHENTIKAN KEGIATAN ITU DAN MENUMPUKAN PERTANIAN PADA SATU-SATU TEMPAT SAHAJA BAGI MENINGKATKAN TARAF HIDUP MEREKA.

LANGKAH ITU JUGA DAPAT MENYELAMATKAN HUTAN NEGARA DARIPADA TERHAPUS, KATA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, KAPADA PEMBERITA SELEPAS MELAWAT STESYEN PERCUBAAN INSTITUT PENYELIDIKAN GETAH MALAYSIA (RRIM) DI SUNGAI BULUH, DEKAT SINI, HARI INI.

KATANYA, MEREKA YANG MENGAMALKAN PERTANIAN PINDAH SELALUNYA MENEBAH HUTAN TANPA DIRANCANG UNTUK MENANAM PADI DAN APABILA TANAH ITU TIDAK LAGI SUBUR MEREKA BERPINDAH KE KAWASAN LAIN DAN MELAKUKAN KEGIATAN YANG SAMA.

HUTAN-HUTAN YANG TELAH DITEBAH ITU PULA TIDAK DITANAM SEMULA DAN INI MENYEBABKAN BERLAKU KERUGIAN BESAR KEPADA NEGARA, TERUTAMA SEPERTI YANG BERLAKU DI SABAH DAN SARAWAK.

KEGIATAN MENEBAH HUTAN TANPA DIRANCANG DI NEGARA INI TIDAK BOLEH DISALAHKAN KEPADA MEREKA YANG MENDAPAT KONSESI PEMBALAKAN SEMATA-MATA TETAPI MEREKA YANG MELAKUKAN PERTANIAN PINDAH JUGA PATUT DISALAHKAN, KATANYA. -- LAGI

1705MST 16 11 87

D280

U 0018 DEB
MAHATHIR - HUTAN 2 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA SUKU-SUKU KAUM ITU HARUS DIPUJUK UNTUK MENUKAR SIKAP MEREKA SUPAYA MENETAP PADA SATU-SATU TEMPAT UNTUK MENJALANKAN KEGIATAN PERTANIAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PADA KESELURUHAN KEADAAN HUTAN DI NEGARA INI ADALAH TERPELIHARA KECUALI DI SABAH DAN SARAWAK SAHAJA KERANA BANYAKNYA KEGIATAN PERTANIAN PINDAH DAN PENEBAHAN HUTAN TANPA DIRANCANG.

KERAJAAN MEMANG MENGAMBIL BERAT MENGENAI PEMELIHARAAN HUTAN BAGI KEBAIKAN SEMUA RAKYAT DAN SETIAP LESEN PEMBALAKAN YANG DILULUSKAN, KERAJAAN TELAH MENETAPKAN POKOK-POKOK YANG BOLEH DITEBAH DAN YANG PERLU DIPELIHARA, TAMBAH BELIAU.

BELIAU JUGA MENYELAR SESETENGAH PIHAK YANG MEMPERGUNAKAN SUKU KAUM TERTENTU DI NEGARA INI UNTUK TUJUAN TIDAK BAIK, DENGAN MERUJUK KEPADA ISU KAUM PENAN DI SARAWAK.

BELIAU MENAMBAH KATA, +KAUM PENAN BUKAN UNTUK DIPERTONTONKAN KERANA MEREKA JUGA ADALAH MANUSIA BIASA+. -- LAGI

1712MST 16 11 87

D281

U 0019 DEB
MAHATHIR - HUTAN 3 KUALA LUMPUR

MENGENAI BRUNO MANSER, RAKYAT SWITZERLAND YANG MENETAP SECARA HARAM SEJAK TIGA TAHUN LEPAS DI PEDALAMAN SARAWAK, YANG MENGHASUT KAUM PENAN, BELIAU BERKATA +KERAJAAN SEDANG MENCARINYA DAN JIKA BELIAU KELUAR KERAJAAN AKAN MENAHANNYA+.

BELIAU BERKATA MANSER SEOLAH-OLAH BERTINDAK SEPERTI RAJA BROOKE DI SARAWAK DAN INGIN MEWUJUDKAN +NEGARANYA+ DI SINI DAN MENAMBAH KATA, +MANSER HARUS MENYERAH DIRI KEPADA PIHAK BERKUASA+.

MENGENAI KERTAS PUTIH TENTANG PENAHANAN AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI (ISA), BELIAU BERKATA IA AKAN DIKELUARKAN BERGANTUNG KEPADA SIAPNYA LAPORAN POLIS DAN MENAMBAH KATA KERTAS ITU AKAN MELIPUTI HASIL SIASATAN POLIS. -- BERNAMA

1713MST 16 11 87